

# LJMS LABUAN E-JOURNAL OF MUAMALAT AND SOCIETY

## SKIM PEMBIAYAAN BANTUAN MODAL UNTUK USAHAWAN ASNAF

NAJWA MOHD KHALIL<sup>ab</sup> & SHEREEZA MOHAMED SANIFF<sup>a\*</sup>

<sup>a</sup>*Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia*

<sup>b</sup>*Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah*

Received 3 October 2024: Revised 16 October 2024: Accepted 20 October 2024

### ABSTRAK

Secara umumnya, usahawan asnaf merupakan golongan yang mengalami kesukaran dalam mendapatkan pembiayaan atau pinjaman untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan kerana ketiadaan rekod kewangan yang baik. Isu ini telah menyebabkan golongan asnaf terus berada dalam keadaan selesa dengan pergantungan sepenuhnya bantuan kewangan dari institusi zakat untuk membangunkan keperluan ekonomi semasa keluarga. Bagi memastikan agihan dana kewangan kepada golongan asnaf tetap relevan dengan perkembangan semasa, institusi zakat atau institusi kewangan telah memperkenalkan dana zakat atau dana kewangan dalam bentuk skim pembiayaan bantuan modal kepada golongan asnaf. Langkah ini diambil dengan harapan dapat membantu golongan asnaf keluar dari kepompong kemiskinan. Oleh itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti skim pembiayaan bantuan modal yang ditawarkan untuk usahawan asnaf dalam membantu membangunkan ekonomi usahawan asnaf. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif daripada perspektif sumber data sekunder yang membolehkan maklumat diperoleh dengan memahami dan merungkai pembiayaan untuk usahawan asnaf. Justeru, dapatan menunjukkan bahawa di Malaysia, keusahawanan merupakan satu aktiviti yang signifikan dalam proses membangunkan ekonomi golongan asnaf. Manakala, pembiayaan merujuk kepada penyediaan dana yang disediakan oleh institusi zakat atau institusi kewangan bagi memenuhi keperluan pihak yang mengalami defisit. Pembiayaan ini juga dikenali sebagai dana yang dirancang. Dalam kajian ini, pihak yang mengalami defisit ialah usahawan asnaf. Oleh yang demikian terdapat pembiayaan bantuan modal oleh institusi bukan perbankan, institusi bank, dan institusi zakat ditawarkan kepada usahawan asnaf yang dapat memenuhi keperluan ekonomi mereka.

**KATA KUNCI:** PEMBIAYAAN, USAHAWAN ASNAF, INSTITUSI BUKAN PERBANKAN, INSTITUSI BANK, INSTITUSI ZAKAT

\* CORRESPONDING AUTHOR: Shereeza Mohamed Saniff, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Malaysia. E-mail: [shereeza@usm.my](mailto:shereeza@usm.my)

**ABSTRACT**

Generally, *asnaf* entrepreneurs are those who face difficulties in obtaining financing or loans to start or expand their businesses due to the absence of a good financial record. This issue has caused the *asnaf* group to remain in a state of dependency, relying entirely on financial assistance from *zakat* institutions to support their current economic needs. To ensure that the distribution of financial funds to the *asnaf* group remains relevant to current developments, *zakat* institutions or financial institutions have introduced *zakat* funds or financial assistance in the form of capital financing schemes for the *asnaf* group. This measure is taken in the hope of helping the *asnaf* group break free from the cycle of poverty. Therefore, the purpose of this paper is to identify the capital financing schemes offered to *asnaf* entrepreneurs to support the economic development of *asnaf* entrepreneurs. This study employs a qualitative research method using secondary data sources, enabling the acquisition of information through understanding and unravelling financing for *asnaf* entrepreneurs. Consequently, the findings indicate that in Malaysia, entrepreneurship is a significant activity in the process of developing the economy of the *asnaf* group. Meanwhile, financing refers to the provision of funds by *zakat* institutions or financial institutions to meet the needs of parties experiencing deficits. This financing is also known as planned funds. In this study, the party experiencing deficits is the *asnaf* entrepreneurs. Therefore, there is capital assistance financing offered by non-banking institutions, banking institutions, and *zakat* institutions to *asnaf* entrepreneurs to meet their economic needs.

**KEYWORDS:** FINANCING, ASNAF ENTREPRENEURS, NON-BANKING INSTITUTIONS, BANKING INSTITUTIONS, ZAKAT INSTITUTIONS

**1. PENGENALAN**

Di Malaysia, institusi zakat memainkan peranan yang amat signifikan dalam menggerakkan ekonomi umat Islam, khususnya dalam membantu golongan *asnaf* yang terdiri daripada fakir, miskin, dan mereka yang layak menerima bantuan zakat. Melalui sistem agihan zakat yang efisien dan sistematik, institusi zakat dapat memastikan setiap bantuan yang disalurkan sampai kepada golongan sasaran, sekali gus memberikan keyakinan kepada masyarakat Islam bahawa zakat bukan sekadar satu bentuk ibadah, tetapi juga merupakan pendekatan yang menyeluruh dalam menyusun dan membangunkan ummah secara holistik (Adnan, 2018). Pendekatan ini bukan sahaja berfungsi untuk mengurangkan kadar kemiskinan, tetapi juga bagi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat yang memerlukan. Dengan adanya pelan pembangunan ekonomi yang dirangka melalui institusi zakat, ia turut berfungsi sebagai satu mekanisme sosial yang penting dalam memperkasakan kedudukan ekonomi umat Islam.

Selain daripada peranan utamanya dalam pengagihan bantuan kepada golongan yang memerlukan, institusi zakat di Malaysia turut melaksanakan pelbagai program keusahawanan dan perniagaan bagi membantu golongan fakir dan miskin mengembangkan potensi ekonomi mereka. Antara program utama yang dilaksanakan adalah program pembangunan ekonomi yang menasarkankan peningkatan taraf hidup *asnaf* melalui sokongan modal dan bantuan kewangan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan. Program-program ini dilaksanakan melalui pelbagai bentuk inisiatif seperti pengagihan modal permulaan, bantuan kewangan, serta penyediaan peralatan perniagaan yang bertujuan untuk membolehkan golongan *asnaf* menjalankan perniagaan secara berdaya saing (Adnan, 2018; Azman *et al.*, 2014). Berdasarkan kajian Kadri *et al.* (2012) didapati bahawa bantuan zakat yang disalurkan tidak terhad kepada bantuan tunai semata-mata, tetapi turut merangkumi bantuan dalam bentuk bukan tunai seperti peralatan perniagaan yang disesuaikan mengikut keperluan individu *asnaf*.

Secara umumnya, pembiayaan merupakan satu mekanisme yang digunakan secara meluas di negara-negara membangun untuk merangsang aktiviti keusahawanan, sekali gus menyokong usaha memajukan ekonomi negara. Pembiayaan yang disalurkan kepada usahawan bukan sahaja berfungsi sebagai modal perniagaan, tetapi juga sebagai pemangkin kepada perkembangan sektor

keusahawanan yang mampu menjana peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah (Mahmood & Mohamad, 2011). Namun begitu, cabaran besar yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun adalah ketidakupayaan golongan miskin untuk mendapat akses kepada modal dari institusi kewangan formal. Menurut Korankye dan Alex (2012), masalah ini berpunca ekoran daripada kekangan seperti ketiadaan jaminan atau cagarang yang diperlukan oleh bank serta rekod kredit yang lemah, yang menyebabkan kebanyakan usahawan mikro sukar mendapatkan pembiayaan.

Sehubungan dengan itu, institusi perbankan dan bukan perbankan di Malaysia telah memperkenalkan skim pembiayaan yang direka khas bagi membantu usahawan mendapatkan modal perniagaan serta memberi peluang kepada mereka untuk menceburi bidang keusahawanan (Adnan, 2018; Faisal Ibrahim & Nasir Ali, 2022). Walaupun terdapat pelbagai jenis skim pembiayaan yang tersedia, usahawan asnaf sering berdepan dengan cabaran untuk memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh pihak institusi kewangan. Ketiadaan pelan perniagaan yang komprehensif, kekurangan penjamin, serta rekod kewangan yang tidak lengkap menyukarkan golongan ini untuk mendapat akses kepada kemudahan kredit. Ini menyebabkan pihak bank beranggapan bahawa pemberian pembiayaan kepada golongan asnaf mempunyai risiko yang tinggi dan kebarangkalian kegagalan pembayaran balik adalah besar (Khalil *et al.*, 2013). Oleh yang demikian, golongan asnaf kerap terpinggir dan tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya skim pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi perbankan formal.

Menyedari isu ini, institusi zakat di Malaysia telah mengambil inisiatif proaktif dengan merangka dan melaksanakan program jangka panjang yang bertujuan untuk membantu golongan asnaf keluar daripada belenggu kemiskinan. Salah satu inisiatif yang diambil adalah dengan menyediakan bantuan suntikan modal perniagaan kepada golongan usahawan asnaf (Abang Abai *et al.*, 2020). Melalui penyediaan dana zakat yang digunakan dalam program pembangunan ekonomi asnaf, khususnya dalam sektor perniagaan dan keusahawanan, institusi zakat dapat memberi sokongan yang lebih menyeluruh kepada golongan ini, bukan sahaja dalam bentuk kewangan, tetapi juga melalui penyediaan latihan dan bimbingan yang berterusan (Muhammad Anas Ibrahim dan Aziz, 2018). Bantuan yang diberikan bertujuan untuk memastikan usahawan asnaf bukan sahaja mempunyai modal untuk memulakan perniagaan, tetapi juga berupaya untuk menguruskan perniagaan tersebut dengan cekap dan berdaya saing.

Oleh itu, kajian ini akan meneliti dengan lebih mendalam mengenai skim pembiayaan bantuan modal yang disediakan untuk usahawan asnaf dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi golongan ini. Perbincangan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada lima bahagian utama. Bahagian pertama merangkumi pengenalan yang memberi gambaran keseluruhan terhadap isu yang dibincangkan. Bahagian kedua pula menumpukan kepada kajian literatur yang merumuskan dapatan-dapatan terdahulu mengenai skim pembiayaan untuk usahawan asnaf. Seterusnya, bahagian ketiga membincangkan metodologi kajian yang digunakan dan diikuti dengan bahagian perbincangan di mana dapatan kajian akan dihuraikan secara terperinci. Akhir kata, bahagian kesimpulan akan mengetengahkan rumusan utama kajian serta cadangan-cadangan untuk penambahbaikan skim pembiayaan pada masa hadapan.

## 2. KAJIAN LEPAS

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa skim pembiayaan bantuan modal di Malaysia memainkan peranan penting dalam menggerakkan sektor keusahawanan, terutama dalam kalangan usahawan baharu dan golongan asnaf yang ingin membebaskan diri daripada kemiskinan. Menurut (Bakar, 2011), terdapat dua jenis pembiayaan dalam sistem ekonomi Malaysia, iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Dalam konteks ini, pembiayaan hutang sering menjadi pilihan bagi kebanyakan usahawan kerana ia lebih mudah diperolehi berbanding pembiayaan ekuiti yang menawarkan pulangan lebih tinggi serta melibatkan risiko pelaburan yang besar. Pandangan ini turut disokong oleh (Adnan, 2018), yang menyatakan bahawa struktur pembiayaan hutang lebih ringkas dan sesuai untuk usahawan baharu yang tidak memiliki modal besar tetapi memerlukan suntikan kewangan

bagi memulakan perniagaan. Oleh itu, pembiayaan hutang menjadi jalan penyelesaian yang praktikal bagi usahawan kecil di Malaysia yang memerlukan modal permulaan yang mudah dan pantas.

Di samping itu, terdapat inisiatif daripada kerajaan serta institusi kewangan dan bukan kewangan, termasuk institusi zakat dalam turut memperkenalkan skim pembiayaan mikro untuk membantu mengurangkan jurang modal dalam kalangan usahawan kecil dan usahawan asnaf. Kajian Jeffry *et al.* (2024) menyatakan skim pembiayaan mikro ini menyediakan modal pusingan untuk usahawan kecil terutamanya bagi mereka yang baru memulakan perniagaan dengan dengan jumlah antara RM1,000 hingga RM5,000. Penemuan ini didukung oleh kajian Faisal Ibrahim dan Nasir Ali (2022) yang mendapati institusi zakat memainkan peranan besar dalam menyokong golongan asnaf, bukan hanya dengan bantuan modal tetapi juga melalui program pemberdayaan ekonomi yang komprehensif. Bantuan modal yang digabungkan dengan latihan kemahiran keusahawanan telah membolehkan penerima zakat menjadi usahawan berdaya saing dan seterusnya berpotensi meningkatkan taraf hidup mereka.

Walaupun inisiatif telah dijalankan, terdapat beberapa halangan yang masih wujud, khususnya dalam kalangan usahawan asnaf. Menurut Roselam dan Adnan (2019), kekurangan akses kepada pembiayaan formal, khususnya daripada institusi perbankan, menyebabkan ramai usahawan asnaf sukar mengembangkan perniagaan atau membina perniagaan yang mampan. Keterbatasan modal ini bukan sahaja menghalang pertumbuhan perniagaan mereka tetapi turut memanjangkan kitaran kemiskinan yang dihadapi dan menyebabkan golongan asnaf terus bergantung kepada bantuan kebajikan tanpa berpeluang untuk hidup secara berdikari. Kekangan ini menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang lebih holistik dalam menangani isu modal yang dihadapi oleh usahawan asnaf.

Oleh yang demikian, institusi perbankan di Malaysia telah memperkenalkan produk pembiayaan yang bertujuan untuk membantu golongan asnaf membina perniagaan. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) menunjukkan bahawa inisiatif ini termasuk pembiayaan dengan syarat yang lebih fleksibel serta sokongan keusahawanan yang memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah. Selain daripada bantuan modal, pelbagai bentuk latihan keusahawanan turut ditawarkan untuk memastikan usahawan asnaf mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran yang semakin kompetitif (Husmin *et al.*, 2016). Langkah ini penting untuk memastikan golongan asnaf mampu berdikari melalui sokongan kewangan dan latihan berterusan, tanpa hanya bergantung kepada bantuan kebajikan.

Tambahan pula, kajian Abang Abai *et al.* (2020) mendapati bahawa bantuan yang diterima oleh usahawan asnaf merangkumi modal serta peralatan perniagaan seperti mesin pemprosesan makanan dan mesin jahit. Institusi zakat di Malaysia, seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal MAIWP, turut memperuntukkan pelbagai bentuk bantuan sokongan yang sesuai dengan keperluan usahawan asnaf di negeri masing-masing. LZS menyediakan suntikan modal, latihan, dan projek usahawan berkelompok, manakala Baitulmal MAIWP menawarkan suntikan modal, peralatan, dan bantuan wang tunai. Bantuan ini dilihat mampu meningkatkan keyakinan golongan asnaf untuk menyertai bidang perniagaan dan menggalakkan mereka untuk berdikari. Menurut Hardi *et al.* (2022), institusi zakat juga menyediakan bimbingan dan latihan keusahawanan yang sistematik bagi memastikan asnaf mampu bersaing sebagai usahawan.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu mendedahkan beberapa kelompangan yang memerlukan perhatian lanjut. Pertama, terdapat kekurangan kajian mengenai kesan jangka panjang skim pembiayaan zakat terhadap kemajuan sosioekonomi usahawan asnaf. Kajian-kajian sedia ada lebih menumpukan kepada kesan jangka pendek atau sederhana tanpa meneliti sama ada pembiayaan ini benar-benar mampu mengubah status sosioekonomi asnaf dalam tempoh lebih panjang. Kedua, masih terdapat kekurangan dalam kajian berkaitan skim pembiayaan yang dipertingkatkan dari segi aksesibiliti dan keberkesanan, terutama kepada asnaf yang kurang terdedah kepada peluang pembiayaan. Ketiga, kajian berkaitan institusi kewangan mikro perlu dikembangkan

bagi memahami sejauh mana institusi ini mampu berkerjasama dengan institusi kewangan tradisional dalam menyediakan pembiayaan yang lebih mudah dan tanpa birokrasi yang ketat.

Kelompangan ini menunjukkan bahawa masih banyak ruang untuk penyelidikan yang lebih mendalam dan kritis, khususnya mengenai keberkesanan jangka panjang skim pembiayaan yang ditawarkan kepada usahawan asnaf di Malaysia. Penyelidikan lanjutan ini penting untuk memastikan bantuan modal dan sokongan keusahawanan yang diberikan benar-benar memberikan impak signifikan dalam meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran usahawan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih inklusif. Penemuan daripada kajian tersebut dapat membantu dalam melihat dasar pembiayaan yang lebih berkesan kepada keperluan sebenar golongan asnaf di Malaysia.

### **3. METODOLOGI**

Kajian ini dikategorikan sebagai kajian kualitatif asas yang menggunakan pendekatan pengumpulan data melalui analisis sumber sekunder. Pendekatan ini dipilih kerana ia sangat sesuai untuk kajian tinjauan awal, di mana ia membolehkan penyelidik meneroka secara menyeluruh dan mendalam. Menurut Neuman (2007), pendekatan kualitatif ini sangat berkesan dalam membina pemahaman awal terhadap sesuatu kajian. Tambahan pula, pandangan (Creswell, 2014) turut menyokong penggunaan sumber sekunder seperti dokumentasi dan bahan bertulis kerana ia mampu memberikan gambaran menyeluruh mengenai isu yang dikaji.

Bagi mengumpulkan data yang relevan, kajian ini menggunakan pelbagai bahan rujukan termasuk buku akademik, artikel jurnal yang diterbitkan, keratan akhbar, serta maklumat daripada laman sesawang rasmi institusi-institusi berkaitan. Fokus utama kajian tertumpu kepada institusi zakat dan institusi perbankan, yang memainkan peranan penting sebagai penyedia data berkaitan skim pembiayaan kepada golongan asnaf. Bagi memastikan ketepatan dan kesahan data yang diperolehi, instrumen yang digunakan adalah analisis dokumen, di mana penilaian terperinci terhadap literatur yang relevan dijalankan untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah komprehensif.

Seterusnya, analisis kandungan digunakan sebagai kaedah analitik dalam kajian ini. Melalui pendekatan ini, data daripada sumber sekunder seperti dokumen dan bahan bertulis dianalisis untuk mengenal pasti pendekatan pembiayaan yang dilaksanakan oleh institusi zakat dan perbankan. Analisis ini juga menilai keberkesanan skim pembiayaan dalam membantu golongan asnaf membangunkan perniagaan mereka. Penekanan turut diberikan kepada impak positif yang terhasil daripada skim pembiayaan tersebut terhadap pembangunan ekonomi asnaf, serta bagaimana ia membantu menyelesaikan isu-isu berkaitan pembiayaan. Di samping itu, hasil analisis kandungan ini juga menjadi asas kepada cadangan untuk penambahbaikan skim pembiayaan pada masa akan datang.

### **4. PERBINCANGAN**

Sistem kewangan Islam ini telah mula dibentuk sejak zaman Rasulullah s.a.w., dan ia kemudiannya menjadi lebih tersusun serta sistematik pada zaman pemerintahan Khalifah kedua, Sayyidina Umar al-Khattab r.a. Pada peringkat awal, sistem kewangan ini hanya tertumpu kepada pengurusan perbendaharaan negara atau lebih dikenali sebagai baitulmal. Baitulmal memainkan peranan penting dalam menguruskan sumber kewangan negara termasuk mengumpul hasil cukai dan zakat serta mengagihkan dana untuk keperluan umum. Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan ekonomi dan sosial, sistem kewangan Islam mula diperbaiki, diselaraskan, serta dikembangkan peranannya. Transformasi ini melibatkan pelbagai aspek pengurusan kewangan yang merangkumi aktiviti mendapatkan dana dan menyalurkan dana secara lebih sistematik.

Sehubungan dengan itu, penyediaan dana merupakan salah satu bentuk utama pembiayaan dalam memenuhi keperluan pihak yang mengalami kekurangan sumber kewangan atau defisit. Pembiayaan ini merujuk kepada mekanisme di mana institusi kewangan, seperti bank atau organisasi bukan

perbankan, menyediakan dana kepada pelanggan dalam bentuk pinjaman atau pembiayaan perniagaan. Wang yang dikreditkan ini digunakan oleh individu atau organisasi berkenaan untuk melaksanakan pelbagai projek atau aktiviti perniagaan yang telah dirancang (Yaacob & Markom, 2022). Pembiayaan Islam bukan sahaja memainkan peranan dalam menyokong perkembangan perniagaan tetapi turut bertujuan untuk membangunkan dan mengukuhkan ekonomi keseluruhan serta meningkatkan taraf hidup masyarakat, terutamanya menerusi program-program pembiayaan berskala kecil yang disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah (Hamat, 2010).

Dalam kajian Hassanain (2015), terdapat beberapa ciri model pembiayaan mikro yang bagus. Pertama, jangka masa pembiayaan mikro adalah pendek. Kedua, pembiayaan berbentuk kecil dan ketiga, pengeluaran pembiayaan cepat dan boleh diambil berulang, jika pembayaran dilakukan tepat pada masanya. Faisol Ibrahim dan Nasir Ali (2022) serta Yaacob dan Markom (2022), tidak ketinggalan membincangkan ciri pembiayaan mikro. Penerima kepada pembiayaan ini terdiri daripada usahawan kecil yang menggunakan modal sebagai aliran tunai dan modal pusingan bagi pembelian aset atau barangan dalam meneruskan perniagaan bukan sebagai pembiayaan peribadi.

Dalam konteks ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melaksanakan beberapa program khusus yang bertujuan untuk membantu usahawan mikro yang berpendapatan rendah memperkukuh pengurusan perniagaan dan kewangan mereka. Antara inisiatif yang diperkenalkan termasuk gabungan penyediaan aset perniagaan yang dibiayai melalui skim kewangan mikro serta pelaksanaan latihan perniagaan yang berstruktur. KUSKOP juga telah mewujudkan program yang memberi akses kepada golongan usahawan asnaf untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dalam memulakan atau meneruskan aktiviti perniagaan mereka. Terdapat tiga institusi bukan perbankan utama yang terlibat dalam menawarkan produk pembiayaan modal bagi tujuan ini, iaitu Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Perbadanan Nasional Berhad (PNB), dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), 2024).

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional telah memperkenalkan beberapa program pembiayaan seperti Skim Pembiayaan TEKUN Niaga, Skim Pembiayaan Teman TEKUN, dan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI). Program-program ini direka khas bagi menyokong perkembangan perniagaan kecil dengan menyediakan kemudahan pembiayaan bermula dari RM1,000, yakni setiap skim yang ditawarkan memberi tumpuan kepada golongan usahawan kecil dalam menjalankan perniagaan masing-masing. Ini bertujuan untuk membantu golongan tersebut meningkatkan daya saing dan mengembangkan operasi perniagaan dengan modal yang bersesuaian serta faedah pembiayaan yang lebih fleksibel.

Di samping itu, Perbadanan Nasional Berhad (PNB) pula memberi tumpuan kepada pembiayaan yang berkaitan dengan sektor perniagaan francais. Berbeza dengan perniagaan konvensional yang kebiasaannya berasaskan keputusan pemilik secara individu, perniagaan francais bergantung kepada sistem operasi dan strategi yang ditetapkan oleh francaisor dan dilaksanakan oleh francais. Oleh itu, PNB menyediakan beberapa skim khusus seperti Skim Pembiayaan Perniagaan Francaisi, Skim Pembiayaan Keusahawanan Francaisi Wanita (SWEET), dan Skim Pembiayaan Keusahawanan Francaisi Belia (YOUNITY) (Husain *et al.*, 2020). Program-program ini tidak hanya memberi bantuan kewangan tetapi turut menawarkan latihan intensif dan panduan perniagaan bagi memastikan kejayaan setiap francais yang terlibat. PNB juga mengambil inisiatif untuk membantu meningkatkan taraf hidup golongan B40 dan M40 melalui penglibatan dalam perniagaan francais yang mempunyai potensi pertumbuhan yang stabil dan kukuh.

Seterusnya, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memfokuskan pembiayaan modal kepada golongan usahawan kecil melalui kategori yang ditetapkan mengikut kelayakan dan keperluan perniagaan. Setiap usahawan yang dikenali sebagai “sahabat” ditawarkan pelbagai skim pembiayaan seperti Skim i-Muda untuk sahabat yang berumur 40 tahun ke bawah, serta Skim i-Mesra dan i-Srikandi untuk sahabat yang berumur 40 tahun ke atas. Setiap skim ini direka khusus untuk memenuhi keperluan modal yang berbeza, di mana Skim i-Muda dan i-Mesra menawarkan pembiayaan

bermula dari RM5,000 hingga RM10,000, manakala Skim i-Srikandi menyediakan pembiayaan yang lebih besar bermula dari RM10,000 hingga RM30,000. Ini membolehkan sahabat usahawan AIM mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih efektif berdasarkan peringkat perkembangan perniagaan masing-masing.

Oleh yang demikian, Jadual 1 di bawah merangkumkan ringkasan program-program pembiayaan oleh institusi bukan perbankan yang terlibat dalam menyediakan produk pembiayaan modal untuk memulakan perniagaan. Secara keseluruhannya, kesemua institusi ini telah memainkan peranan penting dalam menyokong golongan usahawan asnaf dan mikro untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan, seterusnya memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka. Program-program ini tidak hanya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup para usahawan, tetapi juga membantu merangsang pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan melalui penciptaan peluang pekerjaan dan penggalakan aktiviti keusahawanan di kalangan masyarakat yang kurang berkemampuan.

**JADUAL 1: RINGKASAN PROGRAM PEMBIAYAAN OLEH INSTITUSI BUKAN PERBANKAN.**

<b>Bil.</b>	<b>Institusi Bukan Perbankan</b>	<b>Program Pembiayaan</b>
1.	TEKUN Nasional	i. Skim Pembiayaan TEKUN Niaga ii. Skim Pembiayaan Teman TEKUN iii. Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI).
2.	Perbadanan Nasional Berhad (PNB)	i. Skim Pembiayaan Francaisi ii. Skim Pembiayaan Keusahawanan Francais Wanita (SWEET) iii. Skim Pembiayaan Keusahawanan Francais Belia (YOUNITY)
3.	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	i. Skim i-Muda ii. Skim i-Mesra iii. Skim i-Srikandi

Sumber: KUSKOP (2024)

Laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 2023 menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia telah memperkenalkan program iTEKAD sebagai satu inisiatif strategik untuk menyokong usahawan mikro berpendapatan rendah. Program ini berfungsi sebagai penaung bagi memperkukuh pengurusan perniagaan dan kewangan para usahawan, dengan matlamat untuk menjana pendapatan yang berterusan. iTEKAD menggabungkan pelbagai elemen pembiayaan, termasuk penyediaan aset perniagaan yang disokong oleh instrumen kewangan seperti derma, zakat, dan wakaf tunai melalui kewangan mikro. Di samping itu, ia turut menawarkan latihan perniagaan yang berstruktur bagi meningkatkan kemahiran pengurusan peserta.

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan institusi kewangan pertama yang melaksanakan program iTEKAD. Inisiatif ini ditumpukan khususnya kepada usahawan mikro dari kalangan asnaf dan golongan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Dalam fasa pertama pelaksanaan, BIMB telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan SME Corporation Malaysia (SME Corp). Melalui kerjasama ini, BIMB menyediakan pembiayaan mikro sebagai modal perniagaan bagi membantu usahawan bangkit semula dan mengukuhkan perniagaan mereka. Kini, program tersebut telah dipertingkatkan kepada iTEKAD Maju, yang mana tumpuan diberikan kepada pembiayaan bagi pengembangan perniagaan, khususnya kepada usahawan asnaf yang ingin mengembangkan perniagaan mereka untuk mencapai pendapatan yang lebih stabil dan mampan (Bank Islam Berhad, 2021, 2023).

Selain BIMB, CIMB Islamic Bank turut mengambil langkah proaktif dalam menyokong pemerksaan komuniti. CIMB Islamic Bank menjalin kerjasama strategik bersama Yayasan Waqaf Malaysia

(YWM) dan Yayasan Belia Malaysia (YBM) untuk membantu golongan berpendapatan rendah, khususnya penghantar makanan yang menggunakan platform foodpanda Malaysia. Melalui inisiatif ini, peserta yang terlibat berpeluang memperoleh motosikal bagi memudahkan urusan penghantaran serta menjalani latihan keusahawanan dalam perkhidmatan penghantaran makanan secara dalam talian. Oleh itu, usaha ini dapat meningkatkan keupayaan ekonomi golongan B40 dan usahawan asnaf serta menyumbang kepada peningkatan taraf hidup mereka.

Program iTEKAD turut diperluaskan oleh AmBank Islamic melalui penggunaan sistem zakat wakalah yang menawarkan geran pembiayaan mikro maksimum sebanyak RM10,000. Di bawah program ini, peserta didaftarkan untuk menggunakan aplikasi mTAP sebagai penyelesaian penerimaan kad tanpa sentuh, yang membolehkan pedagang menerima pembayaran melalui kad kredit atau debit serta telefon mudah alih Android yang disambungkan dengan QR DuitNow AmBank Islamic. Langkah ini bertujuan untuk memperkasakan usahawan asnaf dengan kemahiran teknologi digital, seiring dengan perkembangan teknologi semasa yang semakin pesat. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan transaksi perniagaan, tetapi juga membuka peluang kepada usahawan asnaf untuk memanfaatkan teknologi dalam mengembangkan perniagaan mereka secara lebih efektif.

Secara keseluruhan, ringkasan program pembiayaan oleh institusi perbankan dapat ditunjukkan dalam Jadual 2 dan inisiatif yang dilaksanakan oleh institusi perbankan seperti BIMB, CIMB Islamic, dan AmBank Islamic menunjukkan komitmen yang tinggi dalam membantu golongan asnaf dan B40. Program-program ini bukan sahaja memberikan pembiayaan dan sokongan modal, tetapi turut menitikberatkan aspek pembangunan kemahiran, latihan keusahawanan, serta penggunaan teknologi moden. Dengan pendekatan yang menyeluruh ini, program tersebut diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pemerksaan ekonomi usahawan mikro serta menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi golongan berpendapatan rendah di Malaysia.

**JADUAL 2: RINGKASAN PROGRAM PEMBIAYAAN OLEH INSTITUSI BUKAN PERBANKAN.**

<b>Bil.</b>	<b>Institusi Perbankan</b>	<b>Program Pembiayaan</b>
		Kerjasama dengan (i-TEKAD) :
1.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	i. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ii. SME Corporation Malaysia (SME Corp)
		Kerjasama dengan (foodpanda):
2.	CIMB Islamic Bank	i. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) ii. Yayasan Belia Malaysia (YBM)
		Geran pembiayaan mikro :
3.	AmBank Islamic	Aplikasi mTAP

Sumber: KUSKOP (2024)

Selain daripada institusi bukan perbankan dan institusi perbankan, institusi zakat juga menyediakan inisiatif dana pembiayaan kepada golongan asnaf yang terpilih untuk menjadi usahawan. Institusi zakat bekerjasama dengan pihak bank untuk menyediakan dana pembiayaan melalui kontrak mudarabah. Kontrak mudarabah ini berlaku antara pihak bank dengan usahawan asnaf. Usahawan asnaf sebagai pengusaha (*mudarib*) dan institusi zakat atau pihak bank sebagai pemodal atau penyedia dana (*rabbul mal*). Keuntungan daripada perniagaan yang diusahakan oleh usahawan asnaf akan dikongsi bersama pihak dan usahawan asnaf. Manakala, kerugian daripada perniagaan dan usaha sama akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak bank (Faisol Ibrahim & Nasir Ali, 2022).

Menurut Adnan dan Roselam (2018) terdapat kontrak qard hassan dan musyarakah yang sesuai ditawarkan untuk pembiayaan kepada usahawan asnaf. Qard hassan merupakan satu bentuk pembiayaan oleh institusi zakat kepada usahawan asnaf untuk mendapatkan modal awal bagi



menjalankan perniagaan. Syarat bagi setiap pinjaman wang mestilah dipulangkan dengan jumlah yang sama tanpa sebarang tambahan dan manfaat lain yang dipaksakan atau dipersetujui (Mohamad Ihsan Zulkifli & Fathullah Asni, 2023).

Qard hassan menekankan aspek kebajikan dan aspek ini penting untuk difahami pelaksanaannya agar kelangsungan amalannya tidak menjejaskan mana-mana pihak, sama ada pihak yang menawarkan pembiayaan mahupun pihak yang menggunakan khidmat pembiayaan tersebut. Qard hassan dilihat dapat memainkan peranan penting terutamanya kepada badan korporat dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat (Norajila Che Man *et al.*, 2015). Dalam membangunkan potensi asnaf untuk menjadi usahawan yang berdikari, pembiayaan ini tidak diberikan kepada semua asnaf. Namun, pembiayaan ini diberikan kepada mereka yang berkemampuan serta berkebolehan untuk membayar balik pembiayaan. Justeru, bentuk pembiayaan secara qard hassan boleh dilaksanakan oleh institusi zakat berdasarkan kemampuan dan kemampuan asnaf (Azamri & Ibrahim, 2024).

Kontrak musyarakah merupakan satu bentuk perjanjian dalam kewangan Islam yang berasaskan konsep perkongsian aset, modal, serta pembahagian untung dan rugi. Melalui kontrak ini, institusi zakat dan usahawan asnaf bekerjasama dengan menggabungkan usaha dan modal untuk melaksanakan projek atau perniagaan, dan seterusnya berkongsi keuntungan dan kerugian yang dihasilkan. Setiap pihak yang terlibat perlu menyumbangkan modal mengikut persetujuan bersama, di mana keuntungan yang diperolehi akan dibahagikan mengikut persetujuan awal. Jika berlaku kerugian, ia akan ditanggung mengikut kadar sumbangan modal yang telah diberikan (Azamri & Ibrahim, 2024; Ibrahim *et al.*, 2021). Justeru, Jadual 3 merupakan ringkasan program pembiayaan oleh institusi zakat. Pembiayaan boleh dibangunkan oleh institusi zakat dengan kerjasama dengan perbankan dan usahawan asnaf. Secara keseluruhannya, program-program pembiayaan oleh institusi bukan perbankan, institusi perbankan, dan institusi zakat bukan sahaja menawarkan sokongan kewangan tetapi juga memberi penekanan kepada aspek latihan, pembangunan kemahiran, dan penggunaan teknologi digital yang penting dalam perniagaan moden. Usaha kolektif ini diharapkan dapat memperkasakan golongan usahawan asnaf agar mereka mampu berdikari dan menyumbang kepada ekonomi negara.

**JADUAL 3: RINGKASAN PROGRAM PEMBIAYAAN OLEH INSTITUSI ZAKAT**

<b>Bil</b>		<b>Kerjasama dengan</b>	<b>Program Pembiayaan</b>
1.	Institusi Zakat	-	Qard Hassan
2.		Perbankan Islam	Mudarabah
3.		Usahawan Asnaf	Musyarakah

Sumber: Para Penulis

## 5. KESIMPULAN DAN POTENSI KAJIAN

Hasil daripada perbincangan, pembiayaan memainkan peranan penting dalam memajukan aktiviti keusahawanan, khususnya di negara-negara miskin dan membangun. Dalam konteks golongan asnaf di Malaysia, akses kepada pembiayaan modal amat penting untuk membantu mereka keluar dari belenggu kemiskinan dan seterusnya menjadi usahawan yang berdikari. Namun, golongan asnaf sering berdepan cabaran utama seperti kekurangan modal, ketiadaan penjamin, dan rekod pinjaman yang tidak lengkap. Hal ini menyebabkan mereka sukar mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan konvensional. Untuk mengatasi cabaran ini, institusi zakat dan institusi kewangan Islam telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan skim pembiayaan khas bagi golongan asnaf. Melalui program seperti iTEKAD, TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), serta pelbagai skim pembiayaan daripada institusi perbankan dan bukan perbankan, golongan asnaf diberikan peluang untuk mendapatkan modal perniagaan yang mereka perlukan. Dalam hal ini, kontrak-kontrak pembiayaan Islam seperti mudarabah, qard hassan, dan musyarakah menjadi asas penting bagi membolehkan golongan asnaf berkongsi keuntungan dan risiko bersama institusi zakat atau bank. Melalui inisiatif-inisiatif ini, golongan asnaf bukan sahaja menerima suntikan modal, malah mereka juga mendapat peluang untuk meningkatkan taraf hidup dan keluar daripada kitaran kemiskinan.

Dengan adanya sokongan pembiayaan yang berstruktur, golongan asnaf berpeluang untuk terus maju dalam bidang perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Penulisan ini menunjukkan bahawa pembiayaan sememangnya memainkan peranan besar dalam memajukan aktiviti keusahawanan dalam kalangan golongan asnaf. Namun, beberapa kelemahan dalam penulisan ini perlu diberi perhatian untuk menghasilkan analisis yang lebih menyeluruh dan kritikal. Sebagai contoh, penulisan ini tidak mengupas cabaran sebenar yang dihadapi dalam pelaksanaan program pembiayaan seperti isu birokrasi, kadar faedah, dan penilaian kelayakan penerima. Faktor-faktor ini boleh menjadi halangan besar bagi golongan asnaf untuk mendapatkan pembiayaan dengan mudah dan berkesan. Maka, kajian masa hadapan disarankan untuk mengkaji cabaran-cabaran ini dengan lebih mendalam dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan agar program pembiayaan menjadi lebih mesra pengguna dan efisien.

Selain itu, penulisan ini menyebutkan beberapa kontrak pembiayaan Islam seperti mudarabah, qard hassan, dan musyarakah, namun tidak membincangkan keberkesanan setiap kontrak ini dalam konteks keperluan dan situasi sebenar golongan asnaf. Setiap kontrak ini mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri, yang mungkin lebih sesuai dalam situasi tertentu. Oleh itu, kajian masa hadapan perlu menilai kesesuaian setiap kontrak tersebut untuk memastikan pembiayaan yang disalurkan benar-benar berkesan dalam membantu golongan asnaf mencapai kestabilan ekonomi. Di samping modal kewangan, golongan asnaf juga memerlukan bimbingan dan latihan berterusan dalam pengurusan perniagaan. Penulisan ini kurang menekankan aspek sokongan tambahan seperti program latihan dan bimbingan keusahawanan, yang mana elemen-elemen ini penting untuk memastikan keberhasilan jangka panjang. Justeru, kajian masa hadapan disarankan untuk mengkaji keberkesanan program latihan dan bimbingan yang diberikan selepas pembiayaan, dalam membantu penerima bantuan mengurus perniagaan mereka dengan lebih baik dan meningkatkan peluang kejayaan jangka panjang.

Secara keseluruhan, dengan mengambil kira kelemahan-kelemahan ini serta cadangan-cadangan untuk kajian masa hadapan, diharapkan penulisan yang lebih komprehensif dan kritikal dapat dihasilkan. Kajian lanjut yang lebih mendalam ini akan menyumbang kepada peningkatan keberkesanan inisiatif pembiayaan, sekali gus membantu golongan asnaf dan usahawan kecil mencapai kestabilan ekonomi yang mampan serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

## RUJUKAN

- Abang Abai, D. S., Awang, M. D., Mohd Yusoff, A. N., Ab. Majid, A., & Hamli, H. (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: kajian empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93–99.
- Adnan, N. I. M. (2018). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat Di Baitul Mal Aceh dan Potensi Pelaksanaannya Di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia*. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Adnan, N. I. M., & Roselam, M. A. C. (2018). Pengagihan dana zakat dalam bentuk pembiayaan mikro untuk usahawan miskin di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 1–14.
- Azamri, K. M., & Ibrahim, M. A. (2024). Pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf zakat: kajian kes di Maidam, Terengganu. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 1–13.
- Azman, Ab. R., Mohamad Yazis, A. B., Mohammad Noorizzuddin, N., Mahdhir, A., Ahmad Anis, M. F., & Mohd Faez, A. B. (2014). Memformulasi Model Produktif Pembangunan Program Usahawan bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9*, 9, 191–198.
- Bakar, M. D. (2011). Pembiayaan Peribadi Mengikut Perspektif Syariah. In *Muzakarah Penasihat Kewangan Islam* (pp. 15–21). KLIFF 2011.
- Bank Islam Berhad. (2021). *Soalan-Soalan Lazim Program iTEKAD*. Kuala Lumpur: BIMB.
- Bank Islam Berhad. (2023). *Soalan-Soalan Lazim Untuk Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju*.

- Bank Negara Malaysia (BNM). (2023). *Kewangan Sosial - Bank Negara Malaysia*. Bank Negara Malaysia. (Laman sesawang: <https://www.bnm.gov.my/social-finance>, akses pada 10 September 2024).
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design. Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (U. S. of America, Ed.; 4th ed.). Thousand Oaks, California: SAGE publication.
- Faisol Ibrahim, M., & Nasir Ali, M. (2022). Membangunkan Usahawan Asnaf Melalui Dana Zakat dengan Menggunakan Pembiayaan Mikro Islam oleh Institusi Zakat Korporat. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022)*, 2710–6241.
- Hamat, Z. (2010). Kelestarian pengagihan dana zakat di Baitul Mal Aceh. *International Seminar Economic Regional Development, Law and Governance, 1*, 1–14.
- Hardi, N. M., Mansor, R., & Hashim, N. (2022). Keberkesanan program pembangunan usahawan asnaf Lembaga Zakat Negeri Kedah. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 4(3), 58–69.
- Hassanain, K. M. (2015). Integrating *zakah*, *awqaf* and IMF for poverty alleviation: three models of Islamic micro finance. *Journal of Economic and Social Thought*, 2(3), 106–120.
- Husain, M. H. E., Rahman, N. N. A., & Razif, N. F. M. (2020). Kelebihan perniagaan francais kepada belia muslim di Malaysia. *International Journal of Communication, Management and Humanities*, 150–156.
- Husmin, M. R. A., Ahmad, S. S., Falina, R. H., Afnee, Z. N., Kassim, M. A. M., & Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi. (2016). Usahawan Mikro Kredit: Faktor-Faktor Dalam yang Mendorong Kejayaan Perniagaan. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB)*, 2, 204–215.
- Ibrahim, M. A., Muhd Adnan, N. I., Aziz, A., Muhd Adnan, H., & Muhd Adnan, N. I. (2021). The view of *zakat* practitioners on micro financing from *zakat* funds as productive *zakat* for *asnaf* entrepreneurs. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 1083–1097.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Berita dan isu semasa impak COVID-19 kepada ekonomi. In *Jabatan Perangkaan Malaysia* (Vol. 25, Issue 29). <https://www.dosm.gov.my/portal-main/home>
- Jeffrey, N. A., Madihah, N., Ii, R., Faigah, S., & Alwi, S. (2024). Exploring the potential of using *zakat* funds of Islamic banks for microfinancing. *Al-Qanatir (International Journal of Islamic Studies)*, 33(3). 369-378.
- Kadri, Z., Ahmad, S., & Noo, M. A. M. (2012). Zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi: ke arah negara berpendapatan tinggi (*zakat as a catalyst to economic development : towards high-income country*). *Prosiding PERKEM VII*, 2, 1263–1273.
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). (2024). *Memulakan Perniagaan*. <https://kuskop.gov.my/index.php>
- Khalil, N. M., Wahid, H., & Ahmad, S. (2013). Penjana semula ekonomi asnaf: cadangan perniagaan sosial. *Prosiding PERKEM VIII*, 1, 1–10.
- Korankye, Alex, A. (2012). Microfinance: a tool for poverty reduction? *Journal of Business and Retail Management Research*, 7(1), 138–150.
- Mahmood, R., & Mohamad, M. R. (2011). *Perusahaan Kecil dan Dilema Usahawan Melayu* (Perpustakaan Negara Malaysia, Ed.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Ihsan Zulkifli, & Fathullah Asni. (2023). Pembiayaan Kredit Mikro Qard Al-Hasan Melalui Dana Zakat Menurut Pandangan Fuqaha Kontemporari. *Proceeding of the 3rd International Conference on Islamic Contemporary & Management 2023 (3rd ICICM 2023)*.
- Muhammad Anas Ibrahim, & Aziz, A. (2018). Agihan dana zakat dalam bentuk pembiayaan mikro kredit. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(10), 71–86.
- Neuman, L. W. (2007). *Basics of social research: Qualitative & quantitative approaches*. (2nd ed., Vol. 21, Issue 1). London, England: Pearson Education Inc.
- Norajila Che Man, Wahab, N. A. A., & Hamid, N. A. (2015). Pemerkasaan qard al-hasan sebagai produk CSR dalam membangunkan masyarakat Islam di alam Melayu. *ICOMHAC2015 Eproceedings*.
- Roselam, M. A. C., & Adnan, N. I. M. (2019). Agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro untuk usahawan asnaf di Baitul Mal MAIWP: Satu Dimensi Baru. *At-Tahkim*, 9(30), 33–40.

Yaacob, S. A., & Markom, R. (2022). Perkembangan dan cabaran terhadap pengawalseliaan pembiayaan institusi pembiayaan mikro di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 30, 27–38.